 <p>Suruhanjaya Tenaga</p>	<p>PEKELILING SURUHANJAYA TENAGA BIL. 4/2011</p> <p>PEKELILING MENGENAI KEHENDAK PEMASANGAN PERANTI ARUS BAKI (PAB) PADA SEMUA LITAR AKHIR SISTEM PENDAWAIAN ELEKTRIK</p>	<p>No. Rujukan: ST/IP/PK/JKKE/ Pk 04/2011</p>
---	---	---

## TUJUAN


Tujuan pekelliling ini adalah untuk memaklumkan semua pihak yang berkaitan mengenai keperluan memasang Peranti Arus Baki yang sesuai kepekaannya di semua litar akhir untuk pendawaian elektrik satu fasa atau tiga fasa selaras dengan kehendak Peraturan-peraturan Elektrik 1994.

## LATAR BELAKANG

2. Sejak kebelakang ini, beberapa kes kemalangan yang disebabkan oleh renjatan arus elektrik di tempat awam, premis kediaman atau di tempat kerja telah dilaporkan kepada Suruhanjaya Tenaga. Antara faktor yang menyebabkan berlakunya kejadian seumpama itu adalah ketiadaan peranti perlindungan, peranti perlindungan yang dipasang telah tidak berfungsi, atau pemasangan peranti perlindungan tidak menepati kepekaan sebenar selaras dengan kehendak Peraturan-Peraturan Elektrik 1994.

## FUNGSI PERANTI ARUS BAKI (PAB)

3. Mengikut Peraturan-peraturan Elektrik 1994, kawalan dan perlindungan litar akhir hendaklah diadakan di dalam setiap pendawaian elektrik di pemasangan.


 <p>Suruhanjaya Tenaga</p>	<p>PEKELILING SURUHANJAYA TENAGA BIL. 4/2011</p> <p>PEKELILING MENGENAI KEHENDAK PEMASANGAN PERANTI ARUS BAKI (PAB) PADA SEMUA LITAR AKHIR SISTEM PENDAWAIAN ELEKTRIK</p>	<p>No. Rujukan: ST/IP/PK/JKKE/ Pk 04/2011</p>
---	---	---

Pemasangan Peranti Arus Baki (PAB) atau *Residual Current Device (RCD)* sebagai peranti perlindungan pada sesuatu litar akhir pendawaian elektrik bertujuan untuk memutuskan bekalan elektrik apabila berlaku kerosakan arus bocor ke bumi dan untuk mengelak dari berlakunya kejadian renjatan elektrik. Oleh itu, adalah amat penting bagi setiap pendawaian litar akhir bekalan satu fasa atau tiga fasa dipasang dengan alat PAB tersebut.

#### KEHENDAK PEMASANGAN PERANTI ARUS BAKI (PAB)


4. Pemasangan PAB hendaklah dibuat selaras dengan peraturan 36(1), 36(2), 36(3) dan 36(4), Peraturan-Peraturan Elektrik 1994. Nilai kadaran kepekaan PAB pada litar-litar akhir pendawaian bagi satu fasa atau tiga fasa hendaklah mematuhi ketetapan seperti berikut :-

- (i) bagi pemasangan elektrik di tempat hiburan awam, atau yang boleh diakses, digunakan atau dikendalikan oleh orang ramai, nilai kepekaan PAB yang perlu dipasang hendaklah tidak melebihi **10mA**;
- (ii) bagi pemasangan elektrik di tempat yang lantainya berkemungkinan akan basah, atau jika dinding atau kepungan (*enclosure*) mempunyai rintangan elektrik yang rendah, nilai kepekaan PAB yang perlu dipasang hendaklah tidak melebihi **10mA**;

 <p>Suruhanjaya Tenaga</p>	<p>PEKELILING SURUHANJAYA TENAGA BIL. 4/2011</p> <p>PEKELILING MENGENAI KEHENDAK PEMASANGAN PERANTI ARUS BAKI (PAB) PADA SEMUA LITAR AKHIR SISTEM PENDAWAIAN ELEKTRIK</p>	<p>No. Rujukan:  ST/IP/PK/JKKE/ Pk 04/2011</p>
---	---	--

- (iii) bagi pemasangan elektrik di mana kelengkapan, radas atau perkakas yang dipegang dengan tangan digunakan atau berkemungkinan digunakan, nilai kepekaan PAB yang perlu dipasang hendaklah tidak melebihi **30mA**; dan
- (iv) bagi pemasangan elektrik selain daripada pemasangan yang disebutkan di atas, nilai kepekaan PAB yang perlu dipasang hendaklah tidak melebihi **100mA** melainkan-
  - (a) atas sebab-sebab fungsi pemasangan kritikal, adalah tidak praktik untuk mengadakan perlindungan itu; atau
  - (b) adalah tidak selamat atau berbahaya untuk mengadakan perlindungan itu.


5. Oleh yang demikian, kehendak pemasangan PAB yang sesuai kepekaannya di semua litar akhir untuk pendawaian elektrik satu fasa atau tiga fasa di semua pemasangan elektrik, termasuklah premis kediaman, sekolah, premis perniagaan, pejabat, tempat-tempat awam, lampu jalan dan industri, hendaklah dibuat selaras dengan kehendak Peraturan-peraturan Elektrik 1994.

 Suruhanjaya Tenaga	<p>PEKELILING SURUHANJAYA TENAGA BIL. 4/2011</p> <p>PEKELILING MENGENAI KEHENDAK PEMASANGAN PERANTI ARUS BAKI (PAB) PADA SEMUA LITAR AKHIR SISTEM PENDAWAIAN ELEKTRIK</p>	<p>No. Rujukan: ST/IP/PK/JKKE/ Pk 04/2011</p>
---	---	---

#### TINDAKAN PENGUATKUASAAN

6. Suruhanjaya ingin mengingatkan mana-mana pihak yang melanggar atau tidak mematuhi peraturan 36 Peraturan-Peraturan Elektrik 1994 adalah melakukan suatu kesalahan dan jika disabitkan kesalahan tersebut, boleh dikenakan hukuman denda atau penjara atau kedua-duanya mengikut peraturan 122 Peraturan-Peraturan Elektrik 1994.

Sekian, terima kasih.



(Ir. AHMAD FAUZI BIN HASAN)

Ketua Pegawai Eksekutif  
b.p. Suruhanjaya Tenaga

Tarikh: 15 September 2011.

Sk. Semua Ketua Jabatan  
Semua Ketua Kawasan